



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 OGOS 2025

BIL.	TEJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INOVASI AI DALAM SISTEM MAKANAN, NASIONAL, SINAR HARIAN – 14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	LEMBU BAKA WAGYU ASAL PAHANG, NEGERI, SINAR HARIAN – 1	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	PAHANG SEDIA JADI PUSAT TERNAKAN WAGYU, NEGARA, KOSMO – 12	
4.	WABAK ASF MASIH TERKAWAL: DR SAIRA BANU, LOKAL, HARIAN METRO – 10	
5.	WASPADA SERANGAN HAWAR, KUBELA, HARIAN METRO – 33	
6.	WAKSINASI SECARA BERKALA, KUBELA, HARIAN METRO – 34	
7.	IKAN, UDANG, SOTONG DI PORT DICKSON SELAMAT DIMAKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN – 18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	IKAN, UDANG, SOTONG PD SELAMAT DIMAKAN, LOKAL, HARIAN METRO – 21	
9.	WASPADA KEHADIRAN UBUR-UBUR DI PERAIRAN MERSING, LOKAL, HARIAN METRO – 21	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Inovasi AI dalam sistem makanan

Malaysia perkukuh kerjasama strategik dalam bidang pertanian dengan Korea Selatan

PUTRAJAYA

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menggariskan kepentingan inovasi dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam memperkukuh sistem makanan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan memaklumkan perkara itu disampaikan dalam sesi meja bulat di 10th Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting

(FSMM ke-10) yang berlangsung di Incheon, Korea Selatan pada Ahad.

Menurut kenyataan itu, Mohamad yang mengetuai delegasi Malaysia turut menekankan keperluan mengenal pasti keutamaan bersama dan memperkukuh kerjasama bagi mencapai matlamat keterjaminan makanan yang mampan di rantau ini.

"Dalam konteks global, Malaysia amat prihatin situasi keterjaminan makanan dunia yang semakin meruncing akibat konflik, bencana iklim dan ketidakstabilan ekonomi.

"Keadaan di Sudan dan Gaza yang kini berdepan krisis kelaparan serta pelanggaran serius terhadap undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia untuk mendapatkan makanan yang amat membimbangkan.

"Malaysia berdiri teguh bersama komuniti antarabangsa dalam mengecam tindakan ini dan menyeru agar penyaluran bantuan kemanusiaan serta pe-



Mohamad (tiga dari kiri) mengetuai delegasi Malaysia ke 10th APEC FSMM ke-10 di Incheon, Korea Selatan pada Ahad.

laksanaan segera usaha bantuan dipertingkatkan," menurut kenyataan itu.

Di sela-sela mesyuarat tersebut, kenyataan itu memaklumkan Mohamad telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar Korea Selatan, Song Miryung

yang mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk terus memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang pertanian antara Malaysia dan Korea Selatan.

Menurut kenyataan itu, antara perkara utama dibincangkan ialah potensi kerjasama dengan Korea Selatan dalam

bidang penyelidikan dan pemodenan sektor pertanian serta pembangunan modal insan seperti dalam aspek pendaftaran dan pemantauan racun biopestisid dan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pengesanan awal serangan perosak terutamanya tanaman padi.

KPKM memaklumkan Mohamad juga telah mengulaskan penyertaan Korea Selatan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan diadakan pada tahun depan.

Bertemakan Building a Sustainable Tomorrow, FSMM ke-10 memberi tumpuan kepada tiga bidang keutamaan iaitu *Connect*, *Innovate* dan *Prosper* serta menjadi platform penting untuk pertukaran pandangan dan pengalaman berkaitan inovasi dalam sistem pertanian, selain membincangkan pendekatan kolaboratif bagi mencapai keterjaminan makanan yang mampan.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	1



Lembu baka wagyu asal Pahang

Pemilik ternakan tetap sasaran 1,000 lembu baka itu dalam tempoh dua tahun

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
RAUB

Negeri ini berjaya merekodkan jumlah tertinggi lembu wagyu apabila memiliki lebih 300 baka haiwan bernilai tinggi itu di Semenanjung.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pencapaian itu hasil projek ternakan di Ladang Ternakan Ruminan AGK Dairy Fresh Sdn Bhd di Bukit Kajang yang dimulakan sejak dua tahun lalu.

Menurut beliau, kejayaan projek tersebut membuktikan potensi besar

industri ternakan lembu wagyu di negeri ini.

"Syabas dan tahniah kepada pemilik ladang, Abdul Ghafar Khan yang berjaya melaksanakan program ternakan lembu wagyu sehingga menghasilkan hasil positif ini.

"Insya-ALLAH, kini terdapat kira-kira 300 lembu wagyu dan dalam tempoh dua tahun akan datang, jumlah ini dijangka meningkat kepada 1,000 ekor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan ladang ternakan tersebut dan mendengar taklimat perkembangan projek wagyu, di sini, pada Isnin.

Turut hadir Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak dan Pegawai Kewangan negeri, Datuk Fadzilla Salleh.

Wan Rosdy menegaskan, pihaknya akan memberi sokongan penuh termasuk bantuan berkaitan bagi me-



Wan Rosdy memberi makan kepada lembu wagyu di Ladang Ternakan Ruminan AGK Dairy Fresh Sdn Bhd di Bukit Kajang, Raub.

mastikan negeri ini menjadi juara ternakan lembu wagyu di Malaysia.

"Saya telah mendengar taklimat dan ada beberapa perkara memerlukan bantuan kerajaan negeri. Insya-ALLAH, kita akan bantu supaya Pahang menjadi juara dalam ternakan lembu wagyu," ujarnya.

Tambah beliau, selain Raub, projek ternakan wagyu turut dijalankan di Tanjung Gahai, Lipis dan bakal diperluas ke Benta.

"Langkah memperbanyakkan ternakan lembu wagyu di Pahang Barat diambil kerana keadaan cuaca sesuai selain produk hiliran mempunyai nilai pasaran tinggi dan berpotensi menjana keuntungan besar," katanya.

Dalam pada itu, Wan Rosdy turut mengalu-alukan cadangan syarikat AGK membuka restoran berhampiran ladang sebagai tarikan pelancong.



Wan Rosdy (kiri) melihat ternakan lembu wagyu secara komersial.

POH
PALEH
MENI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	KOSMO	NEGARA	12



WAN ROSDY (dua dari kanan) memberi susu kepada anak lembu Wagyu sempena Majlis Perasmian Ladang Ternakan Ruminan AGK Dairy Fresh Sdn. Bhd. di Bukit Kajang, Raub semalam.

Pahang sedia jadi pusat ternakan Wagyu

- Ternak baka lembu premium di Raub
- Projek sama bakal dilaksana di Lipis

Oleh NORFARHIZA MOHD. ATAR

RAUB – Pahang berpotensi muncul sebagai negeri pengeluar lembu Wagyu terbesar di Malaysia selepas projek ternakan baka premium itu di Bukit Kajang, Raub menunjukkan perkembangan positif dengan jumlah ternakan kini mencecah 300 ekor.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek yang dimulakan dua tahun lalu oleh AGK Dairy Fresh Sdn. Bhd. itu diya kini mampu mencapai 1,000 ekor dalam tempoh dua tahun dengan sokongan penuh kerajaan negeri.

"Alhamdulillah, kita sudah ada 300 ekor lembu Wagyu di sini.

Saya ucapkan tahniah kepada Abdul Ghaffar Khan (AGK) dan pasukan yang berjaya melaksanakan projek ini hingga menampakkan hasil.

"Saya juga telah mendengar taklimat dan ada beberapa perkara yang dibangkitkan serta perlu bantuan dan sokongan daripada kerajaan negeri. Jadi kita akan bantu supaya kita akan jadi juara dalam ternakan lembu Wagyu di negara ini," katanya selepas Majlis Perasmian Ladang Ternakan Ruminan AGK Dairy Fresh Sdn. Bhd. di Bukit Kajang, di sini semalam.

Menurut Wan Rosdy, selain di Raub, projek seumpama itu turut dijalankan di Tanjung Gahai, Lipis dan bakal diperluas ke kawasan lain seperti di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Benta kerana kesesuaian cuaca, selain sudah terbukti keberkesannya dalam fasa awal.

Beliau turut menyokong rancangan syarikat itu membangunkan restoran berkonsepkan agro pelancongan dalam usaha menarik orang ramai datang berkunjung.

Katanya, produk hiran daripada lembu Wagyu seperti susu segar dan keju mempunyai nilai pasaran tinggi dan mampu menjana keuntungan.

"Saya minta dipercepatkan (pembinaan restoran) supaya ia akan menjadi tarikan pelancong sebab ini yang pertama di Semenanjung Malaysia dan sudah pasti orang akan teruja sekiranya dapat sampai ke sini.

"Kalau tengok gambar lembu di sini, orang mungkin takkan sebut di Malaysia atau di Pahang, orang mesti ingat di Australia atau negara lain. Berat seekor lembu boleh cecah 700 kilogram dan saya yakin ia mampu jadi tarikan pelancongan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10

Wabak ASF masih terkawal: Dr Saira Banu

Tasek Gelugor: Wabak Demam Babi Afrika (ASF) di Kampung Selamat di sini, dilaporkan masih terkawal, meskipun lima ladang babi di kawasan itu disahkan positif penyakit itu Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, kes terbaharu itu dikesan di sebuah ladang selepas disahkan oleh makmal jabatan.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di Kampung Selamat kepada lima.

"Bagaimanapun, keadaan masih terkawal dan tidak seteruk wabak yang berlaku di Seberang Prai Selatan (SPS) pada 2023," katanya ketika dihubungi semalam.

Sehingga 1 Ogos, sebanyak 2,060 ekor babi dari empat ladang dilupuskan bagi membendung penularan penyakit itu. Dari-

pada jumlah itu, 351 ekor babi mati akibat jangkitan manakala 1,709 ekor dilupuskan.

Dr Saira Banu berkata, kawasan terjejas masih dalam pemantauan rapi dan pensampelan darah secara berkala sedang dijalankan bagi menentukan sejauh mana jangkitan itu menular.

"Di peringkat ini, kita masih belum boleh mengisytiharkan Kampung Selamat sebagai zon bebas ASF," tambahnya.

Katanya, pihaknya terus bekerjasama rapat dengan penternak babi dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan langkah biosekuriti dipatuhi dengan ketat bagi mencegah penularan virus.

Demam Babi Afrika adalah penyakit virus yang sangat mudah berjangkit yang menyerang babi domestik dan babi hutan, tetapi tidak membahayakan kesihatan manusia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	HARIAN METRO	KUBELA	33

KUBELA

WASPADA SERANGAN HAWAR

Bawa haiwan peliharaan ke klinik veterinar jika wujud gejala penyakit itu

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmalni@mediaprima.com.my

Bagi pencinta kucing, jangkitan Feline Panleukopenia Virus (FPV) atau dikenali juga sebagai feline parvovirus adalah paling ditakuti kerana ia mudah berjangkit dan boleh membawa maut.

Virus ini amat berbahaya dan boleh menjangkiti kucing tidak kira umur, lebih-lebih lagi yang belum divaksin.

FPV antara jenis hawar yang paling berisiko menjejaskan si bulus.

Apabila dijangkiti FPV, ia akan mengalami pelbagai gejala yang menunjukkan tanda serius penyakit itu antaranya muntah, cirit-birit yang sering kali berdarah, demam tinggi, kehilangan selera makan, penurunan berat badan yang ketara, lesu dan sebagainya.

Dr Megat Iskandar dari Klinik Haiwan

dan Surgeri Darul Aman, Alor Setar, Kedah berkata, hawar merujuk kepada penyakit berjangkit yang boleh menjejaskan kesihatan serta nyawa haiwan peliharaan, khususnya kucing dan anjing.

Kebanyakan penyakit hawar katanya, berpunca daripada jangkitan virus yang mudah merebak dan boleh menyebabkan komplikasi serius sekiranya tidak dirawat dengan segera.

"Bagi kucing, antara virus utama penyebab hawar ialah FPV, Feline Calicivirus (FCV) dan Feline Herpesvirus-1 (FHV-1) yang boleh menyebabkan penyakit saluran pernafasan atas."

Selain itu, hawar pada si bulus juga disebabkan Feline Infectious Peritonitis (FIP) iaitu

mutasi coronavirus, sukar dirawat dan sering kali membawa maut.

"Hawar yang disebabkan Feline Leukemia Virus (FeLV) pula boleh menyerang sistem imun serta menyebabkan anemia dan kanser, manakala virus Feline Immunodeficiency Virus (FIV) akan melemahkan sistem pertahanan badan, menjadikan kucing lebih rentan terhadap penyakit lain," katanya.

Jelas Dr Megat lagi bagi anjing, antara virus yang sering dikaitkan dengan hawar termasuk Canine Parvovirus (CPV).

Virus berkenaan akan menyebabkan anjing peliharaan muntah berdarah, cirit-birit teruk dan boleh meragut nyawa dalam tiga hari jika tidak dirawat.

> 34

PASTIKAN haiwan peliharaan menerima vaksin yang teratur, mengikut jadual yang ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	HARIAN METRO	KUBELA	34



FPV adalah antara jenis hawar yang paling berisiko menjangkitkan si bulus



PEMILIK perlu peka terhadap sebarang perubahan tingkahlaku, selera makan atau tahap aktiviti haiwan peliharaan

VAKSINASI SECARA BERKALA

Pemilik usah risau kerana hawar tidak menjangkiti manusia

DARI MUKA 33

Kata beliau, walaupun haiwan peliharaan tidak keluar rumah, virus-virus itu boleh dibawa masuk ke dalam rumah melalui kasut, tangan atau pakaian manusia.

Dalam pada itu, Dr Megat berkata, hawar berdarah pada kucing dan anjing yang juga dikenali sebagai feline panleukopenia atau canine parvovirus adalah penyakit virus yang mudah berjangkit antara haiwan.

Namun, pemilik usah risau kerana hawar itu tidak berjangkit kepada manusia.

Jelas Dr Megat, virus itu spesifik kepada spesies tertentu sahaja dan tidak menular rentas spesies.

"Walaupun ia berbahaya kepada haiwan peliharaan, pemilik tidak perlu risau mengenai kemungkinan jangkitan kepada manusia.

"Namun, penting untuk sentiasa menjaga kebersihan dan elakkan sentuhan dengan najis haiwan yang dijangkiti," katanya.

Sebagai langkah kawalan hawar dan penyakit berjangkit lain, Dr Megat menasihatkan pemilik supaya memastikan haiwan peliharaan menerima vaksin yang teratur, mengikut jadual yang ditetapkan.

Kata beliau, rekod vaksinasi perlu disimpan dan dapatkan pengesahan kesihatan daripada doktor haiwan secara berkala.

Katanya, kebersihan persekitaran, sangkar, tempat tidur, kawasan bermain dan haiwan peliharaan itu sendiri juga perlu sentiasa dijaga di samping elakkan air bertakung atau kawasan lembap untuk mengawal kehadiran parasit.

"Untuk rawatan antiparasit dan kawalan serangga, gunakan ubat antiparasit seperti ivermectin, selamectin atau fipronil mengikut nasihat doktor haiwan.

"Pemilik juga perlu peka dan mengawal kehadiran kutu, hama dan nyamuk, terutamanya ketika musim panas atau hujan.

"Paling penting, fahami simptom penyakit zoonotik (penyakit yang boleh berjangkit dari haiwan kepada manusia) dan didik keluarga mahupun komuniti berkenaan penjagaan haiwan yang selamat," katanya.

Menurut Dr Megat lagi, haiwan tidak mampu menyuarakan kesakitan mereka.

Disebabkan itu, pemilik perlu peka terhadap sebarang perubahan tingkahlaku, selera makan atau tahap aktiviti haiwan peliharaan.

Kata Dr Megat, jika

Hawar merujuk kepada penyakit berjangkit yang boleh menjejaskan kesihatan serta nyawa haiwan peliharaan, khususnya kucing dan anjing

DR MEGAT ISKANDAR

terdapat tanda-tanda penyakit, tindakan segera untuk membawa haiwan ke klinik veterinar adalah penting. Katanya, menangguhkan rawatan bukan sahaja tidak menjimatkan, malah boleh membahayakan nyawa haiwan peliharaan itu sendiri.

"Ini kerana penyakit yang ringan boleh menjadi kronik atau membawa maut jika tidak dirawat awal.

"Selain itu, kos rawatan juga akan meningkat apabila keadaan menjadi lebih serius dan penderitaan haiwan

akan berpanjangan.

"Tindakan awal bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi juga menunjukkan kasih sayang dan tanggungjawab kita sebagai pemilik," katanya.

Klinik haiwan Dan Surgeri Darulaman yang beroperasi di Kompleks Perniagaan Utama, Mergong Jaya mula operasi pada Julai 2012.

Malah, klinik yang memiliki dua doktor haiwan dan lima kakitangan itu menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan untuk rawatan haiwan kesayangan termasuk pembedahan dan rawatan ke rumah.



Anda mempunyai pengalaman, koleksi gambar menarik, bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsi dengan menghantar e-mel ke rencana@hmetro.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Ikan, udang, sotong di Port Dickson selamat dimakan

Port Dickson: Ikan, udang dan sotong di perairan Port Dickson selamat dimakan walaupun penternak kupang di kawasan itu dinasihatkan tidak mengutip, mengambil atau menuai kupang atau kerang-kerangan buat masa ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS), Kasim Tawe, berkata hidupan laut yang bergerak seperti ikan dan udang masih selamat untuk dimakan berikutan spesies itu mencari makanan sendiri berbanding kerang dan kupang yang kebanyakannya ditenak.

"Ikan, udang atau spesies yang bergerak tidak berbahaya tetapi kupang dan kerang berbahaya sebab ia ditenak, hidupan ini menyerap makanan daripada air laut untuk disimpan.

"Keupayaan kerang dan kupang ini menyimpan toksin di badan mereka adalah lebih tinggi dan jika berlebihan boleh menyebabkan keracunan serta menjejaskan kesihatan manu-

sia," katanya kepada pemberita selepas proses mengambil sampel ke dua air laut di perairan Port Dickson, di sini semalam.

Kasim berkata, ledakan alga ini berpunca daripada faktor semula jadi di laut, khususnya perubahan cuaca yang ketara berlaku pada pertengahan tahun ini.

Beliau berkata, pada penghujung Julai dan Ogos, keadaan cuaca panas meningkatkan kandungan nutrien dalam air, seterusnya mendorong berlakunya ledakan alga.

"Bagaimanapun, kita telah menasihatkan kepada hampir 100 penternak kupang dan pencari kerang di perairan Port Dickson supaya menghentikan sementara aktiviti mencari, mengambil atau menuai kerang-kerangan termasuk kupang.

"Keputusan sampel kedua akan keluar pada Khamis ini (esok) dan kita akan maklumkan langkah seterusnya berdasarkan bacaan sampel kedua ini nanti," katanya. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	HUKA SURAT
13/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21



PEGAWAI JPNS, Noradiana Noran semasa melakukan pensampelan air laut berhampiran kawasan penternakan kupang bagi tujuan uji kaji di Kampung Telok, Pasir Panjang. Gambar kecil, Kasim.

Ikan, udang, sotong PD **selamat** dimakan

Bernama

Port Dickson

Hidupan laut bergerak cari makanan sendiri berbanding kerang, kupang ditenak

Ikan, udang dan sotong di perairan Port Dickson selamat dimakan walaupun penternak kupang di kawasan itu dinasihatkan tidak mengutip, mengambil atau menuai kupang atau kerang-kerangan buat masa ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) Kasim Tawe berkata, hidupan laut yang bergerak seperti ikan dan udang masih selamat untuk dimakan berikutan spesies itu mencari makanan sendiri berbanding kerang dan kupang yang kebanyakannya ditenak.

"Ikan, udang atau spe-

sies yang bergerak tidak berbahaya, tetapi kupang dan kerang berbahaya sebab ia ditenak, hidupan ini menyerap makanan daripada air laut untuk disimpan.

"Keupayaan kerang dan kupang ini menyimpan toksin di badan mereka adalah lebih tinggi dan jika berlebihan boleh menyebabkan keracunan serta menjejaskan kesihatan manusia," katanya kepada pemberita selepas proses mengambil sampel kedua air laut di perairan Port Dickson di sini, semalam.

Kasim berkata, ledakan alga berpunca daripada faktor semula jadi di laut khusus perubahan cuaca

yang ketara berlaku pada pertengahan tahun ini.

Beliau berkata, pada penghujung Julai dan Ogos ini, keadaan cuaca panas meningkatkan kandungan nutrien dalam air seterusnya mendorong berlakunya ledakan alga.

"Bagaimanapun kita menasihatkan kepada hampir 100 penternak kupang dan pencari kerang di perairan Port Dickson supaya menghentikan sementara aktiviti mencari, mengambil atau menuai kerang-kerangan termasuk kupang.

"Keputusan sampel kedua akan keluar pada Khamis ini dan kita akan maklumkan langkah seterusnya berdasarkan baca-

an sampel kedua ini nanti," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan JPNS akan melakukan pensampelan kedua bagi kupang dan kerang-kerangan di perairan Port Dickson susulan bacaan biotoksin melebihi paras selamat dikesan dalam sampel pertama.

Kasim berkata, keputusan ujian makmal dari Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur (PBPPL) pada minggu lalu mendapati bacaan biotoksin melebihi 800 per bilion (ppb), menjadikan makanan laut itu tidak selamat untuk dimakan kerana boleh menyebabkan masalah kesihatan.

13/8/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

21

Waspada kehadiran ubur-ubur di perairan Mersing

Johor Bahru: Orang ramai dinasihatkan berwaspada dan lebih berhati-hati dengan kehadiran ubur-ubur yang dikesan di kawasan perairan Mersing.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor Rosmawati Ghazali berkata, pihaknya menerima beberapa laporan berthubung penemuan hidupan laut berkenaan.

"Justeru, semua pengunjung dinasihatkan berhati-hati ketika melakukan aktiviti riadah pantai snorkeling dan selam skuba serta memakai pakaian bertutup atau bersesuaian bagi mengelakkan terkena sengatan ubur-ubur," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan di laman Facebook rasmi jabatan itu.

"Orang ramai boleh menghubungi talian 07-799 1161 dan Pegawai Perikanan Muhammad Irfan Ahmad Hanizar di 013-5268796 atau hadir ke Pejabat Taman Laut Negeri Johor untuk sebarang maklumat lanjut"

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor,
Rosmawati Ghazali

ORANG ramai dinasihatkan berhati-hati kehadiran ubur-ubur di perairan Mersing.

